

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI)

TARIKH: 31 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 30

## 23 kes buang sampah haram sudah didakwa

KUANTAN - Sebanyak 23 kes pembuangan sampah haram didakwa di mahkamah pada tahun 2017 dan 2018 membabitkan hukuman denda sebanyak RM131,000.

Pengarah Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Pahang, Sharudin Hamid berkata, semua kes berkenaan didakwa di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672).

Menurutnya, pada tahun ini sebanyak 13 kes lagi masih dalam siasatan dan akan dibawa ke mahkamah selewat-lewatnya Disember ini dan kelmarin di Kuantan terdapat satu kes baharu menjadi 14 kes setakat ini di Pahang.

"Selain kes pendak-

waan mahkamah, kita juga telah menyita lima lori di Kuantan yang boleh didakwa di bawah kesalahan sama kerana membuang sampah secara haram.

"Kenderaan terbabit kini ditahan di depoh tahanan dan kertas siasatan telah pun dibuka. Bagi mengekang aktiviti pem-

buangan sampah haram ini, SWCorp menyeru orang ramai dan semua pihak untuk bekerjasama," katanya pada sidang akhbar Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Sekolah Sekolah (PerKISS) Peringkat Negeri Pahang di Indera Mahkota di sini semalam.



Kesemua pemenang bergambar bersama selepas menerima hadiah semalam.